**Utusan Borneo: 13 November 2026**

# Berang ditegur supaya mandi, lelaki cederakan ibu guna payung dipenjara lima tahun, tiga sebatan

**KUCHING:** Gara-gara mencederakan ibunya menggunakan sekaki payung selepas berang ditegur supaya mandi, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan tigasebatan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Musli Ab Hamid memerintahkan hukuman penjara ke atas Mohd Rafizan Joret, 41, yang bekerja sebagai pemasang kamera litar tertutup (CCTV), untuk dikuat kuasakan mulai 31 Julai 2026, iaitu tarikh sebutan pertama kes.

Mohd Rafizan yang dituduh mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun sama menukar pengakuannya kepada bersalah pada prosiding semalam.

Mengikut pertuduhan, Mohd Rafizan didakwa melakukan kesalahan itu terhadap ibunya yang berusia 62 tahun dalam satu kejadian pada 29 Jun 2026, sekitar jam 9 pagi di kediaman mereka sekeluarga di Kampung Pulo Hilir, Petra Jaya di sini.




**KE PENJARA: Mohd Rafizan (kanan) diiringi pegawai penjara ketika berada di hadapan kamar Mahkamah Sesyen Kuching selepas dijatuhkan hukuman, semalam.**

Berdasarkan keterangan kes, Mohd Rafizan bertindak menampar pipi kanan ibunya dan melemparkan payung ke arah dada mangsa selepas berang ditegur supaya mandi.

Mohd Rafizan yang mengamuk pada waktu kejadian turut mengugut hendak merosakkan kereta milik salah seorang adik beradiknya.

Khuatir akan keselamatan diri, mangsa membuat laporan polis dan Mohd Rafizan ditangkap pada 1 Julai 2026.

Hasil siasatan polis mendapati insiden itu berlaku setelah mangsa menegur Mohd Rafizan supaya mandi kerana dia masih belum mandi sejak pulang kerja pada malam sebelumnya dan menghidu bau yang kurang menyenangkan.

Akibat kejadian itu juga, mangsa mengalami kecederaan tisu lembut pada bahagian pipi kanan dan tengah dada, seperti yang disahkan menerusi laporan perubatan.

Selain itu, siasatan lanjut mendapati ujian air kencing Mohd Rafizan menunjukkan keputusan positif dadah, malah dia mempunyai tujuh rekod jenayah lampau yang kesemuanya telah dijatuhkan hukuman.

Rekod berkenaan melibatkan satu kes di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan, dua kes mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan, tiga kes mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan satu kes mengikut Seksyen 12(3) akta sama.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Aiman Zarith Zahrullail.

Mohd Rafizan diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Vanessa Yii Tze Thong.